

Rujukan Kami : PNM(G) 006 Jld 33 ( 46 )  
Tarikh : 15 Julai, 2013

Semua Jabatan/PTJ seperti Lampiran

YB Datuk/Tuan/Puan,

### **PEMBAYARAN GAJI MELALUI BAUCER BAYARAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mulai 1hb Ogos 2013, semakan baucer bayaran bagi pembayaran gaji pekerja sambilan (PSH), gaji kakitangan baru/bertukar, elaun-elaun, gantian cuti rehat (GCR), ganjaran tamat kontrak (GTK), akan dilakukan secara elektronik sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan/PTJ tidak perlu menghantar baucer beserta dokumen sokongan ke pejabat ini bagi tujuan pembayaran tersebut.

3. Bagi memastikan pembayaran tersebut dapat dibuat dengan betul, PTJ dikehendaki mematuhi Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2008 berkenaan tatacara penyediaan baucer bayaran dan peraturan kewangan yang masih berkuatkuasa.

4. Kerjasama daripada pihak YB Datuk/Tuan/Puan amat diperlukan bagi membolehkan penyampaian sistem ini dilaksanakan dengan lebih cekap dan cepat. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307285/298/802**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”**

**“MELAKA 751 TAHUN”**

Saya yang menurut perintah,



**(JAFRIL BIN JUNIT)**

Bendahari Negeri,

**MELAKA.**

s. k : YB Pegawai Kewangan Negeri – Untuk makluman